

Pk. P.U. 37.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN LESEN UNTUK PASAR-PASAR

(MAJLIS DAERAH KRIAN), 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 (d) *Akta 171.*  
(iv) dan (v) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Majlis Daerah Krian  
membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa  
Negeri mengesahkan, Undang-undang Kecil berikut:

1. Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan **Undang-undang  
Kecil Bayaran Lesen untuk Pasar-pasar (Majlis Daerah Krian),  
1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah  
Krian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula ber-  
kuatkuasa pada 1hb Januari 1983. *Nama,  
pemakaian  
dan mula  
berkuatkuasa.*
2. Bayaran Lesen bagi pasar-pasar awam dan pasar persendirian  
adalah dengan ini ditetapkan seperti dalam Jadual I dan II: *Bayaran  
lesen.*
3. Bayaran-bayaran Lesen seperti yang ditentukan dalam Ba-  
hagian V Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1935 yang di-  
pakai oleh Majlis Daerah Krian adalah dengan ini dimansuhkan. *Pemansuhan.  
FMS GN  
3797/35.  
FMS GN  
134/37.*

JADUAL I  
BAHAGIAN I

(BAYARAN LESEN BAGI GERAI PASAR-PASAR AWAM)

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Menjual sayur ... ..	120
2.	Menjual buah-buahan ... ..	72
3.	Menjual ikan ... ..	240
4.	Menjual ayam/itik ... ..	180
5.	Menjual daging lembu/kerbau ... ..	240
6.	Menjual daging kambing ... ..	120
7.	Menjual daging babi/babi panggang ... ..	240
8.	Lain-lain perniagaan ... ..	120

BAHAGIAN II

(BAYARAN LESEN BAGI GERAI DI LUAR PASAR-PASAR AWAM)

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Menjual buah-buahan ... ..	72
2.	Menjual daging babi ... ..	72
3.	Menjual ayam/itik ... ..	120
4.	Menjual sayuran ... ..	72
5.	Menjual ikan ... ..	120

JADUAL II

Bil.	Jenis Perniagaan	\$ setahun
1.	Rumah sembelih persendirian ... ..	120
2.	Pasar persendirian ... ..	500

Diperbuat pada 5hb September 1983.  
[MDK 51/71, PU Pk. 36/76.]

MOHD SHARIFF BIN NOORANI,  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Krian

Disahkan pada 11hb April 1984.  
[PSUK Pk. (KT) 21045.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak